

Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Di Sebuah Sekolah Gred B di Kota Kinabalu

(Differentiated Teaching: A Survey Study in A Grade B School in The City)

Hanita Ladjaharun^{1*}, Jamal @ Nordin Yunus¹

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

* Corresponding Author: hanita75harun@yahoo.com

Received: 1 July 2024 | Accepted: 15 August 2024 | Published: 1 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.3.13>

Abstrak: *Pengajaran Terbeza diberikan penekanan semula ekoran saringan kelas tidak lagi dilaksanakan bermula pada tahun 2019. Perubahan ini menyebabkan streaming class tidak lagi dilaksanakan dan murid yang pelbagai aras sikap dan minat akan berada di dalam bilik darjah yang sama. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui tahap amalan dan cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza di sebuah sekolah Gred B yang terletak di daerah Kota Kinabalu. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 35 orang responden. Seterusnya, bagi membuat kutipan data borang soal selidik digunakan. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) edisi 23.0. Hasilnya, alfa Cronbach 0.891 (10 item), dan 0.716 (15 item). Maka, jadual alfa Cronbach tersebut menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima. Dapatan menunjukkan tahap skor amalan Pengajaran Terbeza ialah pada tahap tinggi iaitu min 3.79. Seterusnya, tahap skor cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah pada tahap sederhana iaitu min 3.51. Dapatan menunjukkan guru-guru melaksanakan Pengajaran Terbeza walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Dapatan ini menunjukkan perbezaan berbanding dapatan kajian sebelum ini yang menunjukkan guru menghadapi tahap cabaran yang tinggi. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hhubungan signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan demografi dari aspek jantina dan pengalaman. Oleh itu, diharapkan pihak yang berkenaan sewajarnya meneliti setiap cabaran yang diketengahkan dalam kajian ini. Dengan penelitian dan tindakan sewajarnya dari semua pihak diharapkan guru terus bermotivasi melaksanakan Pengajaran Terbeza yang terbukti keberkesananannya dalam kajian-kajian sebelum ini.*

Kata kunci: Pengajaran Terbeza, Amalan Dan Cabaran, Sekolah Gred B

Abstract: *Differentiated Teaching is being re-emphasized as class screening will no longer be implemented starting in 2019. This change will result in class streaming no longer being implemented and students with various levels of attitudes and interests will be in the same classroom. Therefore, this study was conducted to find out the level of practice and challenges faced by teachers when implementing Differentiated Teaching in a Grade B school located in the Kota Kinabalu district. This survey involved a total of 35 respondents. Next, a questionnaire was used to collect data. Data were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software edition 23.0. As a result, Cronbach's alpha 0.891 (10 items), and 0.716 (15 items). So, the Cronbach's alpha table shows that the instrument used has good reliability and is acceptable. Findings show that the level of Differentiated Teaching practice score is at a*

high level which is a mean of 3.79. Next, the challenge score level faced when implementing Differentiated Teaching is at a moderate level, which is a mean of 3.51. Findings show that teachers implement Differentiated Teaching despite facing various challenges. This finding shows a difference compared to the findings of previous studies which show that teachers face a high level of challenges. Next, the findings also show that there is no significant relationship between the practice of Differentiated Teaching based on demographics from the aspect of gender and experience. Therefore, it is hoped that the concerned parties should examine each challenge highlighted in this study. With appropriate research and action from all parties, it is hoped that teachers will continue to be motivated to implement Differentiated Teaching, which has been proven to be effective in previous studies.

Keywords: Differentiated Teaching, Practice and Challenges, Grade B School

1. Pengenalan

Dunia globalisasi yang berkembang dengan pesat pada hari ini memerlukan sistem pendidikan berubah dan langkah-langkah yang diambil untuk proses transformasi pendidikan harus bergerak lebih ke hadapan agar negara kita tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran globalisasi ini. Bagi mencapai kualiti yang tinggi serta dapat memastikan kualiti pendidikan negara kita setanding dengan negara-negara yang maju, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjayakan usaha ini. Antara inisiatif adalah memperkenalkan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) bagi meningkatkan kualiti sekolah dan membentuk kemenjadian murid. Usahaini adalah sehaluan dengan visi dan misi pendidikan negara kita yang dimeteraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Program Transformasi Sekolah (TS25) berkonsepkan kepada melahirkan modal insan yang unggul dan mempunyai daya saing di persada dunia. Antara objektif yang telah digariskan dalam Program Transformasi Sekolah (TS25) adalah mengaplikasikan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang terbaik (Soh Teck Chau & Norfariza Mohd Radzi, 2023). Pembelajaran yang bermakna diharapkan dapat melahirkan generasi yang berkeترampilan dan berupaya bersaing di peringkat global.

Menurut, Safiek Mokhlis (2021) pengajaran berkesan bermula dengan usaha guru untuk mengenali perbezaan dalam kalangan murid yang diajar. Sehubungan itu, Zamri Mahamod (2011) mendapati guru yang berpengetahuan tentang murid berupaya menjadikan pembelajaran menyeronokkan dan akan memberikan impak yang baik terhadap diri murid. Oleh itu, guru berperanan dalam mengenali kepelbagaian anak murid agar dapat merancang dan melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran yang melibatkan keseluruhan murid seterusnya membolehkan mereka menguasai isi pelajaran, kemahiran, nilai dan membina ketrampilan diri. Menurut Norwaliza Abdul Wahab, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2019) kaedah pengajaran yang pelbagai dan menarik akan mendorong murid untuk lebih meminati pelajaran dan sebaliknya berlaku jika pengajaran guru statik dan tidak menarik. Keutamaan terhadap kreativiti bilik darjah ialah pendekatan guru yang kreatif dan inovatif agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan kepelbagaian murid. Oleh itu, Pengajaran Terbeza adalah pendekatan yang berkesan kerana mengambil kira kepelbagaian murid.

Kajian Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin (2022) menyatakan guru perlu mengetahui perbezaan murid bagi memastikan keseluruhan murid dapat mengikuti pembelajaran. Selaras dengan pendapat Zamri Mahamod (2016) yang menyatakan guru perlu

mempunyai kepelbagaian kemahiran mengajar dan pengetahuan yang mendalam terhadap setiap anak murid yang diajarnya. Beliau menjelaskan terdapat enam perkara yang perlu diketahui oleh seorang guru mengenai murid iaitu maklumat umum tentang murid, tahap kognitif murid, tahap sosioemosi murid, masalah pembelajaran murid, sikap dan kemahiran belajar murid. Justeru itu, guru perlu memahami kepelbagaian diri murid bagi membolehkan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

2. Kajian Literatur

Menurut Zurina, Zaharah dan Abdul Muhsien (2021) Pengajaran Terbeza adalah pendekatan fleksibel untuk dilaksanakan dalam bilik darjah yang terdiri daripada murid yang mempunyai kepelbagaian dari aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran. Melalui pendekatan Pengajaran Terbeza guru akan membuat pengubahsuaian berdasarkan empat elemen iaitu kandungan, proses, hasil dan persekitaran. Seterusnya, Hall (2002) menyatakan bahawa Pengajaran Terbeza diamalkan kerana kepelbagaian murid dari aspek pengetahuan, kesediaan, bahasa, fokus, minat, dan memberi tindakbalas. Pendekatan ini membolehkan murid mempunyai pilihan mendapat idea atau maklumat. Pendapat Hall (2002) disokong oleh kajian Geviana dan Nurfaradilla (2021) serta Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) yang menyatakan bahawa aspek kepelbagaian murid penting untuk diketahui oleh guru bagi memastikan keseluruhan murid dapat mengikuti pembelajaran.

Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan Pengajaran Terbeza berjaya dalam mengatasi keciciran, merapatkan jurang dalam kalangan murid meningkatkan motivasi dan pencapaian dalam kalangan murid. Kajian Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafli (2021) mendapati Pengajaran Terbeza berjaya menyelesaikan masalah murid tercicir dalam pembelajaran. Kajian beliau melibatkan 12 orang responden iaitu seorang guru dan 11 orang murid. Kajian Halida Jawan & Zamri Mahamod (2021) yang melibatkan empat orang guru Bahasa Melayu di Zon Balleh Kapit mendapati Pengajaran Terbeza dapat merapatkan jurang dalam kalangan murid dalam penguasaan membina ayat Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian Najiba Abdul Meyad, Samsilan Rosalan, Maria Chong Abdullah & Pabia Marming (2014) dan Wilma Anak Akam dan Faridah Mydin Kutty (2018) yang mendapati pencapaian dan motivasi murid meningkat melalui Pengajaran Terbeza. Tuntasnya, Pengajaran Terbeza telah terbukti memberikan implikasi positif terhadap pembelajaran, motivasi dan pencapaian murid.

Seterusnya, kajian luar negara seperti Karam dan Mayada Al-Natour (2016) menjelaskan bahawa cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza ialah masa, sumber dan latihan yang kurang. Seterusnya, kajian Avgousti. pentadbir yang kurang memberi sokongan. Di samping itu, Shareefa, Rohani, Nor Zaiham dan Rosmawijah (2019) menyatakan cabaran yang dihadapi ialah dari aspek masa, pengetahuan, sumber, saiz kelas, sokongan dan beban kerja. Akhir sekali, Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh dan Nasser Al-Dosari (2020) mendapati beban pengajaran, saiz kelas dan masa menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza. Oleh itu, cabaran masa adalah persamaan yang dihadapi oleh guru-guru di luar negara semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza di samping cabaran lain seperti beban kerja, sumber, sokongan dan saiz kelas. Sehubungan itu, Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh & Nasser Al-Dosari (2020) walaupun terdapat kekangan besar perlu dihadapi oleh guru bagi menjayakan Pengajaran Terbeza, ia tetap berbaloi berusaha.

Seterusnya, terdapat beberapa kajian dalam negara mengetengahkan dapatan yang menunjukkan guru-guru menghadapi pelbagai cabaran semasa melaksanakan Pengajaran

Terbeza. Dapatan kajian Nur Hanisah Radi & Syawal Amran (2023) menunjukkan faktor masa yang kurang, bilangan murid yang terlalu ramai, kekurangan idea, bahan dan fasiliti sertasukan pelajaran yang terlalu tinggi. Seterusnya, Danial Arif Abdul Muttalip (2020) mengaitkan faktor masa sebagai cabaran yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin (2022) dan Ain Nur Atika Agus (2021) menyatakan faktor beban tugas boleh menyebabkan guru kurang bersedia untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza. Menurut Ain Nur Atika Agus (2021) mendapati ketidaksediaan guru ini berlaku disebabkan oleh beban kerja yang berkaitan dengan hal sekolah dan juga hal-hal di rumah yang menyebabkan guru tidak dapat menggunakan Pengajaran Terbeza sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa COVID-19. Dalam kajian yang lebih awal oleh Suhaimi Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat (2020) menyatakan tekanan kerja telah menjadi satu fenomena dalam profesion keguruan. Pelbagai tugas yang melangkaui fokus dan justifikasi terhadap tugas utama iaitu menyediakan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian mereka juga menyatakan guru turut dibebani dengan kerja-kerja pentadbiran, merancang dan melaksanakan pelbagai program, menghadiri kursus dan bengkel sehingga menyebabkan guru terbeban dan tidak mempunyai masa yang cukup melaksanakan Pengajaran Terbeza.

Seterusnya, kajian yang berkaitan aspek demografi juga menghasilkan dapatan yang pelbagai. Kajian oleh Azlin Wetty Anak Kiding Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2024) mendapati bahawa tahap pengetahuan guru novis Bahasa Melayu di sekolah rendah pedalaman terhadap pendekatan Pengajaran Terbeza adalah tinggi. Sehubungan itu, ramai guru novis telah mempunyai pendedahan dan pengetahuan tentang pendekatan pengajaran terbeza walaupun berada di sekolah pedalaman. Seterusnya, Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid1 (2023) menyatakan guru bahasa Melayu lelaki mahupun perempuan mempunyai tahap pelaksanaan yang tiada beza terhadap pembelajaran terbeza dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah di Bintulu. Menurut penyelidik juga faktor pengalaman mengajar dan faktor jantina tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dan pelaksanaan guru. Walaupun catatan pengalaman guru bahasa Melayu selama 16 tahun ke atas, namun skor min tahap pelaksanaan lebih rendah daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun dan tempoh 6 hingga 10 tahun. Guru yang telah berkhidmat selama 11 hingga 15 tahun pula mendapat skor min pelaksanaan yang paling rendah. Seterusnya Shafiek Mokhlis (2021) hanya guru-guru yang berpengalaman 10 tahun ke atas lebih kerap melaksanakan Pengajaran Terbeza.

3. Pernyataan Masalah

Pengajaran Terbeza hanya diberikan penekanan semula ekoran saringan kelas tidak lagi dilaksanakan bermula pada tahun 2019. Perubahan ini menyebabkan *streaming class* tidak lagi dilaksanakan dan murid yang pelbagai aras sikap dan minat akan berada di dalam bilik darjah yang sama. Apabila saringan kelas tidak lagi dijalankan bermula tahun 2019, Pengajaran Terbeza ditekankan dengan andaian bahawa dalam setiap bilik darjah terdiri dari murid-murid yang pelbagai dari aspek kognitif, afektif, psikomotor dan emosi (Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2021). Menurut Rosida Ramli & Nurahimah Mohd Yusof (2020) penghapusan saringan kelas dan pelaksanaan kelas kepelbagaian keupayaan yang dilaksanakan oleh KPM bermula 2019 memerlukan perubahan dalam kaedah penyampaian pengajaran guru agar dapat memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Sebenarnya, jika saringan kelas berterusan diamalkan masih terdapat perbezaan dalam kalangan murid. Saringan kelas dilaksanakan hanya berdasarkan tahap pencapaian murid. Murid yang mempunyai keputusan yang setara masih berbeza sama ada dari segi latar sosioekonomi keluarga, budaya,

minat, bakat, emosi, fizikal, gaya belajar dan sebagainya. Oleh itu, kepelbagaian murid tetap akan wujud dengan adanya atau tanpa saringan kelas dan guru memainkan peranan guru dalam memastikan pengajaran yang dirancang membolehkan keseluruhan murid belajar secara optimum. Justeru itu, Pengajaran Terbeza adalah pendekatan yang sesuai diaplikasikan kerana mengambil kira kepelbagaian murid dalam sebuah bilik darjah.

Beberapa kajian berkaitan Pengajaran Terbeza telah dijalankan di Malaysia menunjukkan pengetahuan dan amalan tentang Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru masih rendah. Sudah tentu dapatan ini menjadi penghalang kepada perluasan amalan Pengajaran Terbeza yang terbukti memberikan impak positif terhadap murid. Seterusnya, Mazura Sulaiman dan Wak Chu Wok (2018) menjalankan kajian melibatkan 30 orang responden mendapati 80% responden dalam kajian mereka tidak mengetahui tentang Pengajaran Terbeza. Namun, 80% lagi responden berminat tentang Pengajaran Terbeza. Seterusnya, kajian melibatkan 36 guru Bahasa Melayu di sekolah rendah kawasan pedalaman oleh Danial Arif Abdul Muttalip (2020) mendapati guru kurang pengetahuan mengenai Pengajaran Terbeza. Namun guru-guru mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap Pengajaran Terbeza. Tahap pelaksanaan yang rendah dikaitkan dengan faktor bahan, masa dan pendekatan penilaian yang pelbagai. Seterusnya, kajian Safiek Mokhlis (2021) mendapati guru prasekolah mempunyai penerimaan yang baik tetapi tahap pelaksanaan masih rendah terhadap Pengajaran Terbeza. Guru juga melihat pentingnya Pengajaran Terbeza digunakan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Seterusnya, dapatan kajian Danial Arif Abdul Muttalip (2021) Safiek Mokhlis (2021) dan Mazura dan Wok Chu Wan (2018) mendapati guru menyedari kepentingan dan mempunyai persepsi yang baik terhadap Pengajaran Terbeza. Namun begitu, pengetahuan yang rendah menyebabkan amalan masih kurang memberangsangkan.

Sehubungan itu, guru menghadapi pelbagai cabaran bagi melaksanakan Pengajaran Terbeza. Halida Jawan & Zamri Mahamod (2021) menyatakan guru menerima dan melaksanakan pelbagai kaedah semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Namun guru menghadapi cabaran daripada aspek prasarana sekolah pedalaman yang mengekang guru menyediakan bahan-bahan mengikut tahap murid-murid di dalam kelas. Seterusnya, kajian Ain Nur Atika Agus (2021) mendapati faktor beban tugas menyebabkan guru kurang bersedia melaksanakan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, kajian Rathanewaary Derbala dan Ruhizan M. Yasin (2022) antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza ialah pengetahuan guru yang terhad, sikap guru yang enggan menerima perubahan cara pengajaran dan masih bergantung dengan cara konvensional yang berpusatkan guru. Kajian Danial Arif Muttalip (2020) menyatakan guru menghadapi cabaran masa, bahan dan tanggapan.

Dalam sorotan terhadap kajian yang dijalankan di luar negara, terdapat beberapa kajian menentengahkan cabaran semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Karam Siam & Mayada Al-Natour (2016) mendapati cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza ialah masa, sumber dan latihan yang kurang. Seterusnya, kajian Avgousti. M (2017) mendapati cabaran yang dihadapi ialah kekurangan bahan, kekangan masa dan pentadbir yang kurang memberi sokongan. Di samping itu, Mariyam Shareefa, Rohani Awg. Mat Zin, Nor Zaiham Midawati Abdullah, Rosmawijah Jawawi (2019) menyatakan cabaran yang dihadapi ialah dari aspek masa, pengetahuan, sumber, saiz kelas, sokongan dan beban kerja. Akhir sekali, Yousef Al-Shaboul et. al (2020) mendapati beban pengajaran, saiz kelas dan masa menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, (nurhanisa Radi & Syawal Amran (2023) mendapati faktor masa merupakan cabaran yang terbesar dihadapi oleh guru diikuti dengan jumlah murid yang ramai, jurang tahap penguasaan murid yang besar dan diikuti oleh kekurangan bahan mengajar yang sesuai. Seterusnya, Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad


(2023) Cabaran utama menjayakan Pengajaran Terbeza dikaitkan dengan beban tugas, murid yang ramai dalam sebuah bilik darjah, kekurangan ABM/ BBM, pengurusan masa dan kekurangan prasarana. Oleh itu, cabaran masa adalah persamaan yang dihadapi oleh guru-guru di luar negara semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza di samping cabaran lain seperti beban kerja, sumber, sokongan dan saiz kelas. Oleh itu, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru yang mengajar di sekolah lain khususnya sekolah Gred B.

Menurut Danial Arif Abdul Muttalip (2020), Mazura Sulaiman dan Wak Chu Wok (2018) memberikan saranan agar Modul Pengajaran Terbeza dihasilkan untuk kegunaan guru pelatih dan guru dalam perkhidmatan. Oleh itu, bagi menghasilkan modul yang lengkap lebih banyak kajian perlu dilaksanakan bagi mendapat maklumat yang lebih menyeluruh. Selain itu, Daniel Arif Abdul Muttalip (2020), Mazura dan Wak Chu Wok (2018) dan Safiek Mokhlis (2021) menyatakan guru mempunyai persepsi yang tinggi untuk mendalami Pengajaran Terbeza. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada guru yang ingin mendalami tentang Pengajaran Terbeza. Disamping itu, kajian Zurina Mustaffa, Zahara Hussin & Abdul Mulsien Sulaiman (2021a) memberikan cadangan kajian lanjutan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan Pengajaran Terbeza. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membuat tinjauan Pengajaran Terbeza di sebuah sekolah Gred B di daerah Kota Kinabalu

4. Model

Menurut Model Pengajaran Terbeza oleh Hall T. (2002) guru merancang pengajaran dengan mengubah suai kandungan dan disesuaikan dengan proses pembelajaran yang melibatkan murid sama ada secara individu, berpasangan atau berkumpulan untuk menguasai isi pelajaran dan kemahiran. Murid akan menghasilkan pelbagai produk dan akan dinilai secara holistik oleh guru berdasarkan tahap atau keupayaan. Seterusnya, Tomlinson C.A (2001) mengenal pasti tiga elemen kurikulum yang boleh dibezakan:

- i. **Kandungan:** Beberapa elemen dan bahan digunakan untuk menyokong kandungan pengajaran. Ini termasuk perbuatan, konsep, generalisasi atau prinsip, sikap, dan kemahiran. Kepelbagaian elemen dan bahan yang digunakan dalam bilik darjah akan menyokong murid dalam menguasai isi pelajaran. Akses kepada kandungan dilihat sebagai kunci kepada pembelajaran.
- ii. **Proses:** Guru merancang aktiviti yang fleksibel dan menggunakan strategi berkumpulan agar murid berinteraksi dan bekerjasama semasa mereka berusaha menguasai pengetahuan tentang kandungan baharu. Guru boleh membuat pengenalan pengenalan yang menyeluruh atau umum dan perbincangan kandungan idea besar kemudian diikuti oleh aktiviti murid dalam kumpulan kecil atau kerja berpasangan. Guru bertindak sebagai pembimbing semasa murid menjayakan aktiviti berkumpulan untuk menyelesaikan tugas.
- iii. **Produk:** Guru perlu menilai produk dan hasil kerja murid yang pelbagai secara holistik. Penilaian mungkin berlaku secara formal atau tidak formal, termasuk temu bual, tinjauan, penilaian prestasi dan prosedur penilaian yang lebih formal. Oleh itu, guru memberikan peluang kepada murid membuat dan mempersembahkan hasil pembelajaran mengikut kecenderungan dan minat dan melaksanakan penilaian secara holistik.




Rajah 1: Model Pengajaran Terbeza, Hall T. (2002)

Sumber: Differentiated Instruction. NCAC Effective Classroom Practices (2002)

Sehubungan itu, dalam mengaplikasikan Pengajaran Terbeza berdasarkan Model Pengajaran Terbeza yang dikemukakan oleh Hall T. (2002), guru perlu bersandarkan kandungan kurikulum seperti DSKP dan buku teks. Guru membuat pengubahsuaian kandungan, proses, hasil dan persekitaran berdasarkan keperluan atau latar belakang murid agar murid dapat melalui pembelajaran yang bermakna. Guru juga perlu berpengetahuan dan mempunyai cukup penguasaan tentang kandungan kurikulum agar berupaya membuat pengubahsuaian, mampu memberikan penerangan yang jelas dan membina pengetahuan baru murid. Penggunaan bahan-bahan yang sesuai dapat menyokong kefahaman murid seperti video, peta, gambar dan bahan mautud. Proses pembelajaran perlu melibatkan murid secara aktif dengan aktiviti kolaboratif dan kerjasama. Semasa menjayakan aktiviti dan menggunakan pelbagai bahan sokongan murid-murid akan mengaplikasikan pelbagai elemen pembelajaran yang terkandung dalam DSKP seperti KBAT, EMK dan PAK-21. Akhir sekali, murid akan mempersembahkan hasil kerja yang membolehkan guru menilai tahap penguasaan murid berdasarkan kriteria kejayaan yang disasarkan. Guru berperanan menilai murid secara holistik berdasarkan pengetahuan sedia ada, pelibatan dari awal hingga akhir dan pengetahuan baru yang diperolehi. Tuntasnya, elemen kandungan, proses dan produk dalam Model Pengajaran Terbeza akan dijadikan panduan oleh guru untuk melaksanakan pengajaran yang bersesuaian dengan murid seterusnya dapat menyokong minat dan kecenderungan murid. Aplikasi Model Pengajaran Terbeza ini selaras dengan tunjang pendidikan negara iaitu FPK, KK, PPPM 2013 dan matlamat KSSR atau KSSM iaitu berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi diri sepenuhnya.

Kerangka konseptual berikut menjelaskan tentang amalan dan cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza sama ada berada pada tahap rendah, sederhana ataupun tinggi. Kerangka Konsep ini juga menjelaskan sama ada terdapat perbezaan tahap amalan dan cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza di sebuah sekolah Gred B di Kota Kinabalu berdasarkan faktor demografi.



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian

6. Metodologi Kajian

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan secara kuantitatif dijalankan bagi mengumpul data daripada responden. Menurut Chua (2011) melalui kajian tinjauan jawapan oleh para peserta kajian dapat dikumpulkan dan dianalisis dalam tempoh masa yang pendek. Borang soal selidik digunakan untuk mengutip data.

6.2 Sampel Kajian

Kaedah sampel rawak mudah diamalkan dan melibatkan seramai 35 orang responden yang telah mengisi borang soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua guru dan diberikan masa selama seminggu untuk menjawabnya.

6.3 Instrumen Kajian

Terdapat tiga bahagian dalam instrumen kajian yang digunakan untuk membuat kutipan data seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kandungan Instrumen

Bahagian	Keterangan
A	Profil Responden
B	Tahap amalan Pengajaran Terbeza
C	Tahap cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza

Instrumen kajian sedia ada berdasarkan kajian Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) digunakan bagi mengukur bahagian A hingga B. Seterusnya, instrumen bahagian C berdasarkan kajian Karam dan Mayada Al-Natour (2016) diubahsuai dan digunakan untuk mengukur. Seterusnya Item A adalah pilihan tunggal. Manakala Item B dan C diukur dengan menggunakan skala likert yang terdiri dari 1 hingga 5 mata. Ayat-ayat yang digunakan ringkas dan padat serta dapat difahami dengan mudah.

6.4 Prosedur Kajian

Bagi mengumpul data, penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada semua guru di bilik guru dan mengutip borang yang telah siap untuk menjalankan proses yang seterusnya.

6.5 Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif untuk menjelaskan min, sisihan piawai dan peratus menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) edisi 23.0. Seterusnya, interpretasi skor min yang diadaptasi untuk menerangkan Skor Min

(Rathaneswaary dan Ruhizan, 2022). Keterangan skor min berdasarkan Pallant ditunjukkan seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Keterangan Skor Min Berdasarkan

Min	Tahap
0.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

7. Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian berdasarkan kepada persoalan kajian bagi memenuhi objektif dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi dibentangkan dengan didahului profil responden kajian, dan seterusnya diikuti dengan hasil dapatan secara deskriptif dan juga inferensi. Terdapat tiga objektif kajian yang dicapai dalam bab ini. Objektif kajian pertama adalah mengenal pasti tahap amalan Pengajaran Terbeza. Objektif kajian kedua adalah mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Objektif kajian ketiga adalah mengenal pasti perbezaan amalan dan cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Hasil kajian yang diperolehi disampaikan menerusi jadual. Akhir sekali, bab ini ditamatkan dengan rumusan hasil kajian.

7.1 Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada guru-guru di sebuah sekolah Gred B di Kota Kinabalu dan seramai 35 orang telah terlibat di dalam kajian ini. Profil responden diperolehi daripada borang soal selidik Bahagian A yang terdiri daripada empat soalan yang merangkumi latar belakang demografi responden iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Data demografi ini dibentangkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Taburan demografi responden dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Demografi Responden

	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	4	11.4
Perempuan	31	88.6
Umur		
25 - 29 tahun	3	8.6
30 - 34 tahun	4	11.4
35 - 39 tahun	7	20.0
40 - 44 tahun	5	14.3
45 - 49 tahun	8	22.9
50 tahun ke atas	8	22.9
Kelulusan akademik		
Ijazah	24	68.6
Sarjana	11	31.4
Pengalaman mengajar		
1 - 5 tahun	6	17.1
6 - 10 tahun	3	8.6
11 - 15 tahun	8	22.9
16 - 20 tahun	5	14.3
21 tahun ke atas	13	37.1

Maklumat dalam Jadual 4 menunjukkan profil responden berdasarkan jantina. Daripada keseluruhan 35 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 4 orang atau 11.4 peratus adalah terdiri daripada lelaki, manakala seramai 31 orang atau 88.6 peratus lagi adalah terdiri daripada perempuan. Seterusnya bagi profil responden mengikut umur pula menunjukkan seramai 3 orang (8.6%) berumur 25 - 29 tahun, seramai 4 orang (11.4%) berumur 30 - 34 tahun, seramai 7 orang (20.0%) berumur 35 - 39 tahun, seramai 5 orang (14.3%) berumur 40 - 44 tahun, seramai 8 orang (22.9%) berumur 45 - 49 tahun, dan seramai 8 orang (22.9%) lagi berumur 50 tahun ke atas. Berkaitan profil responden mengikut kelulusan akademik menunjukkan seramai 24 orang (68.6%) berkelulusan Ijazah, manakala bakinya seramai 11 orang (31.4%) lagi berkelulusan Sarjana. Akhir sekali, bagi profil responden mengikut pengalaman mengajar menunjukkan seramai 6 orang (17.1%) adalah terdiri daripada 1 - 5 tahun, seramai 3 orang (8.6%) daripada 6 - 10 tahun, seramai 8 orang (22.9%) daripada 11 - 15 tahun, seramai 5 orang (14.3%) daripada 16 - 20 tahun, dan seramai 13 orang (37.1%) daripada 21 tahun ke atas.

7.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Hasil kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi amalan dan cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru-guru di sebuah sekolah Gred B di Kota Kinabalu, Sabah dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Kebolehpercayaan Instrumen

Pemboleh ubah	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Amalan responden terhadap Pengajaran Terbeza	0.891	10
Cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza	0.716	15

Jadual 4 di atas menunjukkan kebolehpercayaan bagi amalan dan cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru-guru di sebuah sekolah Gred B di Kota Kinabalu, Sabah adalah masing-masing 0.891 (10 item), dan 0.716 (15 item). Maka, jadual alfa Cronbach di atas menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima.

7.3 Taburan Kenormalan

7.3.1 Ujian Kenormalan Melalui Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk

Hasil taburan kenormalan data berdasarkan ujian statistik *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk* dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Taburan Kenormalan

	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
Amalan responden terhadap Pengajaran Terbeza	.126	35	.172	.963	35	.276
Cabaran dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza	.098	35	.200*	.977	35	.658


*. This is a lower bound of the true significance.

a. Lilliefors Significance Correction


Berdasarkan analisis statistik seperti dalam Jadual 5 menunjukkan pemboleh ubah kajian adalah berdistribusi normal iaitu Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk mempunyai hasil ujian signifikan, $p > 0.05$. Oleh itu, data-data dalam kajian ini adalah sesuai untuk dilakukan analisis selanjutnya.

7.3.2 Histogram

Berdasarkan kepada graf histogram yang diplot seperti Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 menunjukkan sampel kajian adalah normal kerana garis keluk pada histogram yang dipaparkan adalah berbentuk loceng untuk semua taburan data. Oleh itu, andaian kenormalan adalah dipenuhi.



Rajah 3: Histogram Amalan Responden Terhadap Pengajaran Terbeza



Rajah 4: Histogram Cabaran Dihadapi Semasa Melaksanakan Pengajaran Terbeza

7.4 Tahap Amalan Pengajaran Terbeza

Bahagian ini menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti tahap amalan Pengajaran Terbeza. Berikut merupakan persoalan yang berkenaan:

Persoalan Kajian 1: Apakah tahap amalan Pengajaran Terbeza?

Analisis yang dijalankan terhadap item-item yang mewakili amalan Pengajaran Terbeza dalam instrumen soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Tahap Amalan Pengajaran Terbeza

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B1	Saya mengambil kira kepelbagaian murid semasa merancang pengajaran dan pembelajaran.	0 (0.0)	0 (0.0)	8 (22.9)	19 (54.3)	8 (22.9)	4.00	.686
B2	Saya menetapkan kandungan pembelajaran mengikut kebolehan murid.	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (17.1)	20 (57.1)	9 (25.7)	4.09	.658
B3	Saya menentukan proses pembelajaran berdasar tahap murid	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (11.4)	24 (68.6)	7 (20.0)	4.09	.562
B4	Saya menilai hasil pembelajaran murid secara holistik	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (14.3)	3 (65.7)	7 (20.0)	4.06	.591
B5	Masa yang cukup untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza	3 (8.6)	7 (20.0)	5 (42.9)	8 (22.9)	2 (5.7)	2.97	1.014
B6	Sumber yang mencukupi untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza.	2 (5.7)	5 (14.3)	5 (42.9)	3 (37.1)	0 (0.0)	3.11	.867
B7	Saya membuat refleksi untuk menambahbaik pelaksanaan Pengajaran Terbeza	0 (0.0)	1 (2.9)	8 (22.9)	19 (54.3)	7 (20.0)	3.91	.742
B8	Saya mengaplikasikan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (11.4)	26 (74.3)	5 (14.3)	4.03	.514
B9	Saya menentukan kandungan, proses dan persekitaran berdasarkan pola Pengajaran Terbeza	0 (0.0)	0 (0.0)	9 (25.7)	21 (60.0)	5 (14.3)	3.89	.631
B10	Saya dapat mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan Pengajaran Terbeza	0 (0.0)	2 (5.7)	2 (34.3)	15 (42.9)	6 (17.1)	3.71	.825
	Keseluruhan						3.79	.515

Dalam kajian ini, tahap amalan Pengajaran Terbeza diukur oleh 10 item. Jadual 6 menunjukkan lapan item mempunyai skor yang tinggi, manakala dua item lagi mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item B2 iaitu “*Saya menetapkan kandungan pembelajaran mengikut kebolehan murid.*” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.09, SP = 0.658). Diikuti dengan item B3 iaitu “*Saya menentukan proses pembelajaran berdasar tahap murid.*” (min = 4.09, SP = 0.562). Seterusnya, item B4 iaitu “*Saya menilai hasil pembelajaran murid secara holistik.*” (min = 4.06, SP = 0.591), item B8 iaitu “*Saya mengaplikasikan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid.*” (min = 4.03, SP = 0.514), item B1 iaitu “*Saya mengambil kira kepelbagaian murid semasa merancang pengajaran dan pembelajaran.*” (min = 4.00, SP = 0.686), item B7 iaitu “*Saya membuat refleksi untuk menambahbaik pelaksanaan Pengajaran Terbeza.*” (min = 3.91, SP = 0.742), item B9 iaitu “*Saya menentukan kandungan, proses dan persekitaran berdasarkan pola Pengajaran Terbeza.*” (min = 3.89, SP = 0.631), item B10 iaitu “*Saya dapat mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan Pengajaran Terbeza.*” (min = 3.71, SP = 0.825), item B6 iaitu “*Sumber yang mencukupi untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza.*” (min = 3.11, SP = 0.867), dan terakhir

item B5 iaitu “Masa yang cukup untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza.” (min = 2.97, SP = 1.014). Secara keseluruhannya menunjukkan skor amalan Pengajaran Terbeza adalah berada pada tahap yang tinggi (min = 3.79, SP = 0.515). Bagi taburan skor amalan Pengajaran Terbeza mengikut pengkelasan pula mendapati seramai 11 orang (31.4%) berada pada tahap yang sederhana, manakala seramai 24 orang (68.6%) lagi pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Taburan Interpretasi Tahap Amalan Pengajaran Terbeza Mengikut Pengkelasan

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus
1.00 - 2.33	Rendah	0	0.0
2.34 - 3.66	Sederhana	11	31.4
3.67 - 5.00	Tinggi	24	68.6
Jumlah		35	100.0

7.5 Cabaran Yang Dihadapi Semasa Melaksanakan Pengajaran Terbeza

Bahagian ini menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Berikut merupakan persoalan yang berkenaan:

Persoalan Kajian 2: Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza?

Analisis yang dijalankan terhadap item-item yang mewakili cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza dalam instrumen soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Cabaran Yang Dihadapi Semasa Melaksanakan Pengajaran Terbeza

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
C1	Saya berdepan dengan cabaran masa merancang Pengajaran Terbeza	1 (2.9)	0 (0.0)	2 (5.7)	21 (60.0)	11 (31.4)	4.17	.785
C2	Saya menghadapi masalah pengurusan masa melaksanakan Pengajaran Terbeza	0 (0.0)	1 (2.9)	6 (17.1)	20 (57.1)	8 (22.9)	4.00	.728
C3	Saya berdepan dengan cabaran masa membuat persiapan penilaian mengikut keperluan murid yang pelbagai	0 (0.0)	1 (2.9)	4 (11.4)	19 (54.3)	11 (31.4)	4.14	.733
C4	Saya menghadapi kekangan masa melaksanakan penilaian berdasarkan kepelbagaian murid	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (14.3)	20 (57.1)	10 (28.6)	4.14	.648
C5	Saya sukar menentukan strategi pengajaran untuk pelbagai murid	1 (2.9)	5 (14.3)	16 (45.7)	11 (31.4)	2 (5.7)	3.23	.877
C6	Saya menghadapi kesukaran melaksanakan pelbagai strategi pengajaran yang sesuai untuk pelbagai murid	0 (0.0)	5 (14.3)	12 (34.3)	15 (42.9)	3 (8.6)	3.46	.852
C7	Saya sukar untuk mengubah peranan daripada seorang guru yang menyebarkan ilmu kepada pemuahcara	5 (14.3)	8 (22.9)	16 (45.7)	5 (14.3)	1 (2.9)	2.69	.993

C8	Kekurangan prasarana menjadi kekangan melaksanakan Pengajaran Terbeza	1(2.9)	0 (0.0)	8 (22.9)	20 (57.1)	6 (17.1)	3.86	.810
C9	ABM / BBM yang terhad menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza	1 (2.9)	1 (2.9)	10 (28.6)	19 (54.3)	4 (11.4)	3.69	.832
C10	Saya menghadapi kekangan mendapatkan bahan untuk menghasilkan ABM/ BBM yang sesuai dengan keperluan murid	1 (2.9)	4 (11.4)	9 (25.7)	18 (51.4)	3 (8.6)	3.51	.919
C11	Saya berdepan dengan pentadbir yang tidak menyokong pelaksanaan Pengajaran Terbeza	14 (40.0)	9 (25.7)	10 (28.6)	1 (2.9)	1 (2.9)	2.03	1.043
C12	Saya berdepan dengan ibu bapa yang tidak menyokong menjayakan Pengajaran Terbeza	6 (17.1)	11 (31.4)	16 (45.7)	2 (5.7)	0 (0.0)	2.40	.847
C13	Keadaan bilik darjah kurang kondusif melaksanakan Pengajaran Terbeza	2 (5.7)	7 (20.0)	13 (37.1)	10 (28.6)	3 (8.6)	3.14	1.033
C14	Pelaksanaan Pengajaran Terbeza sukar kerana jumlah murid yang ramai	0 (0.0)	3 (8.6)	6 (17.1)	18 (51.4)	8 (22.9)	3.89	.867
C15	Guru sukar melaksanakan Pengajaran Terbeza kerana faktor beban tugas	1 (2.9)	1 (2.9)	4(11.4)	10 (28.6)	19 (54.3)	4.29	.987
	Keseluruhan						3.51	.390

Dalam kajian ini, cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza diukur oleh 15 item. Jadual 8 menunjukkan lapan item mempunyai skor yang tinggi, enam item mempunyai skor yang sederhana, dan satu item lagi mempunyai skor yang rendah. Hasil kajian ini menunjukkan item C15 iaitu “Guru sukar melaksanakan Pengajaran Terbeza kerana faktor beban tugas.” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.29, SP = 0.987). Diikuti dengan item C1 iaitu “Saya berdepan dengan cabaran masa merancang Pengajaran Terbeza.” (min = 4.17, SP = 0.785). Seterusnya, item C3 iaitu “Saya berdepan dengan cabaran masa membuat persiapan penilaian mengikut keperluan murid yang pelbagai.” (min = 4.14, SP = 0.733), item C4 iaitu “Saya menghadapi kekangan masa melaksanakan penilaian berdasarkan kepelbagaian murid.” (min = 4.14, SP = 0.648), item C2 iaitu “Saya menghadapi masalah pengurusan masa melaksanakan Pengajaran Terbeza.” (min = 4.00, SP = 0.728), item C14 iaitu “Pelaksanaan Pengajaran Terbeza sukar kerana jumlah murid yang ramai.” (min = 3.89, SP = 0.867), item C8 iaitu “Kekurangan prasarana menjadi kekangan melaksanakan Pengajaran Terbeza.” (min = 3.86, SP = 0.810), item C9 iaitu “ABM / BBM yang terhad menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza.” (min = 3.69, SP = 0.832).

Seterusnya, item C10 iaitu “Saya menghadapi kekangan mendapatkan bahan untuk menghasilkan ABM/ BBM yang sesuai dengan keperluan murid.” (min = 3.51, SP = 0.919), item C6 iaitu “Saya menghadapi kesukaran melaksanakan pelbagai strategi pengajaran yang sesuai untuk pelbagai murid.” (min = 3.46, SP = 0.852), item C5 iaitu “Saya sukar menentukan strategi pengajaran untuk pelbagai murid.” (min = 3.23, SP = 0.877), item C13 iaitu “Keadaan bilik darjah kurang kondusif melaksanakan Pengajaran Terbeza.” (min = 3.14, SP = 1.033), item C7 iaitu “Saya sukar untuk mengubah peranan daripada seorang guru yang menyebarkan ilmu kepada pemudahcara.” (min = 2.69, SP = 0.993), item C12 iaitu “Saya berdepan dengan

ibu bapa yang tidak menyokong menjayakan Pengajaran Terbeza.” (min = 2.40, SP = 0.847), dan terakhir item C11 iaitu “Saya berdepan dengan pentadbir yang tidak menyokong pelaksanaan Pengajaran Terbeza.” (min = 2.03, SP = 1.043). Secara keseluruhannya menunjukkan skor cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah berada pada tahap yang sederhana (min = 3.51, SP = 0.390). Bagi taburan skor cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza mengikut pengkelasan pula mendapati seramai 22 orang (62.9%) berada pada tahap yang sederhana, manakala seramai 13 orang (37.1%) lagi pada tahap yang tinggi.

Jadual 9: Taburan Interpretasi Tahap Cabaran Yang Dihadapi Semasa Melaksanakan Pengajaran Terbeza Mengikut Pengkelasan

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus
1.00 - 2.33	Rendah	0	0.0
2.34 - 3.66	Sederhana	22	62.9
3.67 - 5.00	Tinggi	13	37.1
Jumlah		35	100.0

7.6 Perbezaan Amalan Pengajaran Terbeza Berdasarkan Faktor Demografi

7.6.1 Perbezaan Amalan Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Pengajaran Terbeza Berdasarkan Faktor Jantina

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan jantina.

Hasil dapatan ujian-t dalam Jadual 10 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza dengan nilai [$t = -1.864, p = 0.071$], $p > 0.05$ berdasarkan jantina responden. Dengan itu Ho1 adalah diterima. Juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan cabaran Pengajaran Terbeza [$t = -0.225, p = 0.823$], $p > 0.05$ berdasarkan jantina responden. Dengan itu Ho5 adalah diterima.

Jadual 10: Ujian-t Perbezaan Amalan Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Pengajaran Terbeza Berdasarkan Faktor Jantina

	Jantina	N	Min	SP	t	Sig.P
Amalan Pengajaran Terbeza	Lelaki	4	3.35	.480	-1.864	.071
	Perempuan	31	3.84	.499		

7.6.2 Perbezaan Amalan Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Pengajaran Terbeza Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan pengalaman mengajar

Hasil dapatan varian sehala dalam Jadual 11 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza dengan nilai [$F(4, 30) = 0.625, p = 0.648$], $p > 0.05$ berdasarkan pengalaman mengajar responden. Dengan itu Ho4 adalah diterima. Juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan cabaran Pengajaran Terbeza [$F(4, 30) = 1.079, p = 0.384$], $p > 0.05$ berdasarkan pengalaman mengajar responden. Dengan itu Ho8 adalah diterima.

Jadual 11: ANOVA Sehalu Perbezaan Amalan Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Pengajaran Terbeza Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

		JKD	DK	MKD	F	Sig. P
Amalan Pengajaran Terbeza	Antara kumpulan	.693	4	.173	.625	.648
	Dalam kumpulan	8.310	30	.277		
	Jumlah	9.003	34			

7.7 Ringkasan Hasil Keputusan Hipotesis Kajian

Jadual 12 menunjukkan ringkasan hasil keputusan analisis bagi setiap hipotesis kajian yang dibentuk selaras dengan persoalan dan objektif kajian ini. Sebanyak 2 hipotesis telah diuji dalam kajian ini.

Jadual 12: Ringkasan Hasil Keputusan Hipotesis Kajian

Hipotesis		Keputusan
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan jantina.	Diterima
Ho4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan pengalaman mengajar	Diterima

Secara keseluruhan, bahagian ini telah menganalisis dan melaporkan semua hasil kajian dalam usaha untuk menjawab hipotesis yang dibentuk dalam kajian ini. Kekekapan, peratus, min dan sisihan piawai telah dilaporkan bagi pemboleh ubah yang diuji dalam kajian ini. Kemudian, analisis data diteruskan dengan analisis ujian-t dan ANOVA Sehalu bagi menerangkan setiap hipotesis kajian daripada Ho1 dan Ho2.

8. Perbincangan Dan Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi iaitu min 3.79. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad (2023) yang menyatakan tahap amalan guru-guru sejarah di sekolah menengah di Sabah adalah pada tahap yang tinggi. Seterusnya, dapatan ini juga selaras dengan kajian oleh Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) yang menyatakan bahawatahap amalan pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Khas adalah tinggi. Seterusnya, Niveetha et al. (2021) yang menjalankan kajian ke atas 234 orang responden mendapati pendekatan pengajaran guru yang pelbagai dari aspek penggunaan ABM dan pedagogi pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, Rosidah dan Nurahimah (2020) menyatakan bahawa amalan Pengajaran Terbeza guru-guru berada pada tahap yang baik. Namun, bertentangan dengan Danial Arif (2020) yang mendapati tahap amalan guru adalah sederhana. Seterusnya, dapatan Safiek Mokhlis (2021) menunjukkan tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza guru-guru sekolah tadika adalah rendah.

Dapatan menunjukkan tahap cabaran yang dihadapi oleh responden semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah sederhana iaitu min 3.51. Dapatan ini berbeza dengan kajian Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad (2023) dan Rathaneswaary Derbla & Ruhizan M. Yasin (2022) yang menyatakan tahap cabaran guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah tinggi. Namun begitu, cabaran beban tugas guru adalah kekangan utama yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah Gred B di kota Kinabalu. Seterusnya cabaran masa yang menyebabkan guru menghadapi kekangan dalam membuat persiapan, melaksana dan menilai mengikut kepelbagaian murid. Cabaran seterusnya yang mencatatkan min yang tinggi ialah jumlah murid yang ramai dalam bilik darjah menjadi kesukaran kepada guru menjayakan pengajaran terbeza. Dapatan ini diselaraskan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Hanita Ladjaharun & Anuar

Ahmad (2022) Dapat menunjukkan lima cabaran yang utama ialah beban kerja guru dan diikuti dengan jumlah murid yang ramai, ABM/ BBM yang terhad, masa dan kekurangan prasarana. Kajian lepas oleh Seterusnya, kajian oleh Ain Nur (2021) turut menyokong dapatan kajian ini. Faktor beban tugas menyebabkan guru kurang bersedia melaksanakan Pengajaran Terbeza di Kemaman Terengganu. Faktor kekangan masa ini juga disebut dalam dapatan kajian yang dijalankan oleh Danial Arif (2020) yang menyatakan batasan memperoleh bahan, tanggapan dan pengurusan masa menjadi cabaran kepada guru-guru melaksanakan Pengajaran Terbeza. Dapatan ini berbeza dengan kajian oleh Halida dan Zamri (2021) yang menyatakan bahawa cabaran daripada aspek prasarana sekolah di kawasan pedalaman yang mengekang guru menyediakan bahan mengikut tahap murid.

Seterusnya, dapatan ini selaras dengan hasil kajian yang dijalankan di luar negara. Kajian Yousef Al-Shaboul et al. (2020) menyatakan bahawa kekangan dihadapi ialah beban pengajaran, masa, jumlah murid yang ramai, kelas yang kurang kondusif. Seterusnya, kajian ini selaras dengan Shareefa et al. (2019) menyatakan cabaran yang dihadapi ialah masa, sumber, pengetahuan, saiz bilikdarjah, sokongan, dan beban kerja. Begitu juga dengan kajian oleh Karam dan Mayada Al- Natour (2016) menyatakan cabaran dihadapi ialah beban kerja, jumlah murid yang ramai, sumber yang terhad, pengurusan masa dan kurang sokongan pentadbir dan ibu bapa. Tuntasnya, terdapat perbezaan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah Gred B dengan sekolah lain. Namun terdapat banyak persamaan aspek cabaran yang dihadapi dalam dapatan kajian di dalam dan luar negara.

Kajian berkaitan aspek demografi biasanya menghasilkan dapatan yang pelbagai. Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan ini selaras dengan Azlin Wetty Anak Kiding Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2024) mendapati bahawa tahap pengetahuan guru novis Bahasa Melayu di sekolah rendah pedalaman terhadap pendekatan Pengajaran Terbeza adalah tinggi. Dapat dirumuskan, ramai guru novis telah mempunyai pendedahan dan pengetahuan tentang pendekatan Pengajaran Terbeza walaupun berada di sekolah pedalaman. Selain itu, kajian ini juga mendapati Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan Pengajaran Terbeza berdasarkan jantina. Dapatan ini selaras dengan Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid1 (2023) guru bahasa Melayu lelaki mahupun perempuan mempunyai tahap pelaksanaan yang tiada beza terhadap Pembelajaran Terbeza dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah di Bintulu. Menurut penyelidik juga faktor pengalaman mengajar dan faktor jantina tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dan pelaksanaan guru. Walaupun catatan pengalaman guru bahasa Melayu selama 16 tahun ke atas, namun skor min tahap pelaksanaan lebih rendah daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun dan tempoh 6 hingga 10 tahun. Guru yang telah berkhidmat selama 11 hingga 15 tahun pula mendapat skor min pelaksanaan yang paling rendah. Seterusnya Safiek Mokhlis (2021) hanya guru-guru yang berpengalaman 10 tahun ke atas lebih kerap melaksanakan Pengajaran Terbeza.

Sehubungan itu, bengkel, kursus dan latihan yang bersesuaian perlu dilaksanakan secara berterusan agar dapat meningkatkan keupayaan dan kemahiran guru dalam pengurusan masa dan tugas. Seterusnya, program inovasi dan kreativiti perlu dipertingkatkan dan dibudayakan di pelbagai peringkat bagi menggalakkan guru lebih kreatif dan inovatif menghasilkan ABM/BBM yang boleh disesuaikan dengan perubahan semasa dan memenuhi keperluan murid-murid. Sehubungan itu, pertandingan dan pengiktirafan terhadap guru-guru yang berjaya menghasilkan pendekatan dan bahan inovasi pengajaran dan pembelajaran sewajarnya

diteruskan dan dipertingkatkan. Sebagai contoh, pengiktirafan sempena Hari Guru terhad kepada tiga penerima bagi kategori sekolah rendah dan menengah. Oleh itu, pada masa akan datang penganugerahan boleh diperluaskan mengikut bidang mata pelajaran agar lebih ramai guru berpeluang mendapat pengiktirafan yang akan mencetuskan motivasi yang lebih tinggi. Penggunaan ABM/BBM yang sedia ada secara optimum seperti akhbar, majalah, buku, *Youtube* dan sebagainya perlu digalakkan. Sehubungan itu, program perkongsian amalan terbaik dalam kalangan guru melalui *Professional Learning Community* (PLC) perlu diteruskan dan dipertingkatkan agar menjadi budaya yang berupaya meningkatkan profesionalisme guru dalam menanggapi pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan negara.

Tuntasnya, Pengajaran Terbeza terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi murid. Sehubungan itu, peranan guru amat penting bagi memastikan Pengajaran Terbeza dilaksanakan bagi membolehkan murid dapat melibatkan diri dalam pembelajaran dan mengembangkan potensi diri. Namun, pelbagai cabaran telah dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza. Oleh itu, semua pihak perlu menyokong usaha dan peranan guru agar sentiasa kompeten dan memeneuhi keperluan serta perubahan semasa. Setiap pihak sama ada pentadbir sekolah, PPD, JPN, BPG, KPM dan badan bukan kerajaan mempunyai kapasiti masing-masing tentang perancangan dan tindakan sewajarnya. Peranan ibu bapa dan komuniti juga tidak kurang pentingnya untuk sentiasa memberikan sokongan kepada guru dan anak-anak bagi menjayakan Pengajaran Terbeza.

Rujukan

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1): 75-87.
- Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Pembelajaran Terbeza Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 5(1): 205-216.
- Azlin Wetty Anak Kiding & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2024). Pengetahuan Pendekatan Pengajaran Terbeza dalam Kalangan Guru Novis Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Pedalaman Negeri Sarawak. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. Vol. 6(1):576-585.
- C. A. Tomlinson. (1999). *Mapping a route toward a differentiated instruction*. *Educational Leadership*, 57(1): 12-16.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 10(2) : 29-42.
- Geviana Gladysa Anak George & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan amalan guru Kelas Bercantum di sekolah kurang murid (Kajian Literatur Sistematis). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2): 484-494.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran Pengajaran Terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu Murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1): 67-77.
- Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad. (2023). Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1): 1-17.

- Karam Siam & Mayada Al-Natour. (2016). "Teacher's differentiated instruction practices and implementation challenges for learning disabilities in Jordan," *Int. Educ. Stud.*, 9 (12).
- M. Avgousti. (2017). One size does not fit all: Understanding Differentiated Instruction in an elementary mixed-ability classroom. *Research Paper for the Degree Master of Teaching Department of Curriculum, Teaching and Learning Ontario Institute of Studies in Education. University of Toronto.*
- Mariyam Shareefa, Rohani Hj Awg Mat Zin, Nor Zaiham Midawati Abdullah & Rosmawijah Jawawi. (2019). Differentiated Instruction: Definition and challenging factors perceived by teachers. *3rd International Conference on Special Education (ICSE 2019). Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 388: 322-327.
- Mazura Sulaiman & Wak Chu Wok. (2018). Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*: 283-294. Kuala Terengganu: Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Najiba Abdullah Meyad, Samsilah Roslan, Maria Chong Abdullah & Pabiyah Haji Maming. (2014). The effect of Differentiated Learning method in teaching arabic language on students' motivation. *Journal of Social Science Research*, 5 (1): 671-678.
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1):227-238.
- Noraini Idris. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Edisi kedua. (2013). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norwaliza Abdul Wahab, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. 2019. *Pembangunan Pendidikan Orang Asli di Malaysia*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hanisah Radi & Syawal Amran. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5):1-16.
- Rathaneswaary Derbla & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4): 1-20.
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2021). Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*: 68-86.
- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan Pedagogi Terbeza guru-guru sekolah menengah zon pantai timur Malaysia. *International Conference Teacher Education*, 2 :9-20.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru prasekolah: Satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4 (3): 9-18.
- Shareefa, Rohani Hj Awg Mat Zin, Nor Zaiham Midawati Abdullah & Rosmawijah Jawawi (2019). Differentiated Instruction: Definition and challenging factors perceived by teachers. *3rd International Conference on Special Education (ICSE 2019). Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 388, 322-327.
- Soh Teck Chau & Norfariza Mohd Radzi.(2023). Kepimpinan Guru Besar Dan Pelaksanaan Program Transformasi Sekolah (Ts25) Di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Vol. 10 (1):41-54.

- Suhaimi Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat. 2020. Faktor tingkah laku pelajar, kekangan masa, beban tugas dan tekanan kerja dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (9):114 – 124.
- T. Hall. (2002). *Differentiated Instruction: Effective Classroom Practices Report*, National Center on Accessing the General Curriculum. Office of Special Education Programs. U.S. Department of Education.
- T. Santangelo & C.A Tomlinson. (2009). The application of differentiated instruction in postsecondary environments: Benefits, challenges, and future directions. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 20 (3): 307–323.
- Wilma Anak Akam & Faridah Mydin Kutty. (2018). Kesan Pembelajaran Terbeza terhadap motivasi dan pencapaian murid dalam topik daya dalam subjek sains sekolah rendah. *e-Prosiding Kolokium Pendidikan Sains & Psikologi*: 553-560.
- Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh & Nasser Al-Dosari. (2020). Differentiated Instruction between application and constraints: teachers' perspective. *European Journal of Educational Research*, 10(1) :127 - 143.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, mempercepat pelajar: pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21. *Seminar Bahasa Melayu*: 1-29.
- Zamri Mahamod. (2016). Memperkasa pedagogi Bahasa Melayu Abad Ke-21. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kelima*: 1-16.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi Terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9): 202-214.